

## Tulis sesuatu yang bermanfaat, bukan undang padah

**DEWASA** ini setiap individu bebas untuk berkongsi buah fikiran mereka dalam bentuk penulisan.

Penulisan yang bermanfaat dapat memberikan pengetahuan baharu kepada pembaca, contohnya tip, panduan atau informasi baharu.

Ketika seseorang menulis untuk berkongsi ilmu atau pengalaman, mereka bukan sahaja membantu pembaca untuk memahami sesuatu isu, bahkan juga meningkatkan pemahaman ke atas diri mereka sendiri.

Dari sudut pandang yang berbeza pula, penulisan berunsur kritikan sosial mampu menggalakkan masyarakat untuk berfikir dengan kritis kerana ia mampu memberi peluang kepada masyarakat untuk berdiskusi dengan lebih mendalam tentang sesuatu isu.

Apa yang lebih utama adalah matlamat kritikan sosial dalam penulisan untuk menjadi pemangkin dan titik tolak ke arah perubahan yang lebih positif. Jika tidak dalam skala yang besar, dalam skala yang kecil pun tidak mengapa.

Dalam keterujaan menulis pula, setiap individu haruslah bertanggungjawab ke atas penulisan mereka. Elakkan menulis sesuatu jika kita bukan ahlinya. Tidak salah untuk berkongsi maklumat, namun setiap penulisan kita haruslah berlandaskan fakta yang sebenar dan bukannya rekaan atau andaian semata.

Kata-kata Saidina Ali bin Abi Thalib, "Semua penulis akan mati, hanya karyanya akan terus abadi. Maka tulislah sesuatu yang akan membahagiakanmu di akhirat nanti."

Setiap daripada kita sudah pasti memiliki sesuatu informasi atau pengalaman berharga untuk dikongsi dengan orang di sekeliling. Maka, tulislah sesuatu yang bermanfaat, bukannya sesuatu yang mengundang padah kepada diri sendiri pada kemudian hari.

**PENDAPAT  
Rakyat**